

Mahathir mahu bahagian2 UMNO kekal pimpinan lama

UM 2 MAR 1985

JITRA 1 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu bahagian-bahagian UMNO yang tidak terlibat dengan pemecahan mengikut sempadan baru kawasan pilihanraya di seluruh negara yang diluluskan oleh Parlimen Disember lalu supaya mengekalkan pimpinan lama selaras dengan perlembagaan parti.

Serentak itu, Perdana Menteri juga mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya umum bila-bila masa dari sekarang.

"Sepatutnya tahun ini mereka memilih pemimpin yang ada kerana pemimpin-pemimpin yang dipilih belum habis tempoh pemilihan mereka mengikut perlembagaan parti," tegas Presiden UMNO itu.

Beliau menambah, kecuai-bahagian-bahagian yang terlibat dengan pemecahan, bahagian-bahagian yang tidak terlibat dengan pemecahan bahagian patut mengekalkan pemimpin yang lama.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan jawatankuasa UMNO bahagian Kubang Pasu termasuk Pergerakan

Pemuda dan Wanitanya di bangunan UMNO di sini malam tadi, Presiden UMNO itu mengingatkan beliau telah menasihatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan menggunakan wang ringgit dalam perebutan pimpinan parti.

Menurutnya, beliau telah memberikan nasihat dari masa ke- semasa kepada ahli-ahli UMNO jangan menggunakan wang ringgit bagi merebut pimpinan di dalam UMNO terutama bagi pemilihan ketua-ketua bahagian.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Ketua UMNO bahagian Kubang Pasu sebelum itu telah mepengerusikan mesyuarat jawatankuasa UMNO bahagian tersebut mengambil masa hampir tiga jam yang turut dihadiri oleh Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff selaku Timbalan Ketua UMNO bahagian itu.

Menurutnya, beliau telah memberi penerangan mengenai pergolakan politik khususnya di Kedah termasuk sebab-sebab Datuk Syed Nahar mengundurkan diri dengan perlantikan Datuk Paduka Haji Osman Aroff sebagai Menteri Besar baru yang mendapat sokongan penuh.

Sebelum itu, ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim. Kepala Batas dekat sini telah diberikan sambutan mengejut di luar jangkaan oleh kira-kira 2,000 orang ahli-ahli UMNO dan penyokong dari komponen-komponen parti Barisan Nasional yang lain diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff.

Beliau mensifatkan perhimpunan tersebut sebagai bukti Menteri Besar Kedah yang baru mendapat sokongan penuh dari semua pihak terutama ahli-ahli UMNO dan komponen parti Barisan Nasional.

Menjawab pertanyaan, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan mesyuarat tersebut juga telah membincangkan mengenai masalah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) di mana beberapa perkara telah dibangkitkan yang melibatkan para petani.

Menurutnya, "kita selalu memandang serius masalah petani-petani kerana petani-petani menyokong kita, mengundi kita."

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff akan cuba menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani tersebut.